

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO SERI DATIN PADUKA  
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI  
DI MAJLIS PERJUMPAAN WANITA ANJURAN PUSPANITA  
DI DEWAN SRI PINANG, PULAU PINANG  
PADA HARI JUMAAT, 2ND. OGOS, 19 85  
PUKUL 3.00 PETANG

-----

Yang Berbahagia Pengerusi Majlis;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Peluang untuk berucap kepada begini ramai wanita seperti dalam Majlis ini amatlah sukar didapati, kecuali di Perhimpunan-perhimpunan Agung atau persidangan-persidangan terbesar. Oleh yang demikian, saya amat berterima kasih kepada pihak penganjur, PUSPANITA, Pulau Pinang, yang sudi menjemput saya dan niengesyorkan saya berucap di Majlis ini berkenaan dengan masalah masakini, iaitu masalah dadah.

2. Perkara masalah dadah mungkin sudah jemu dan bosan didengar. Mungkin juga para hadirin berkata dalam hati - "dah tahu, cerita lama". Tetapi, kalau orang ramai sudah diberi maklumat mengenai semua aspek masalah dadah, kenapakah masalah dadah ini

masih berlaku, malahan meningkat kejadiannya di negara kita? Di manakah kesalahannya? What went wrong?

3. Inilah soalan yang penting dan utama yang ditanya-tanya oleh ibu bapa di Amerika Syarikat 20 tahun dahulu. Saya ingin ceritakan betapa lurusnyanya ibu bapa di Amerika dahulu.

Mungkin ibu bapa kita di sini sekarang begitu juga mengenai masalah dadah antara muda-mudi.

4. Mrs. Joyce Nalepka have 2 boys aged 5 and 9 years old. She did not have a drug problem but she discovered their teenaged baby sitter was using marijuana. He was a boy who they had known since he was a toddler. The solution for that moment was to separate the drug-using baby sitter from the children. This was done and Mrs. Nalepka told the boy that they would want to help him. Two months later, he called wanting help. Mrs. Nalepka expected to hear him say he had been asked to leave school, been arrested or wanted treatment but all what he wanted was for Mrs. Nalepka to drive him and his 2 teenage friends to a rock concert. He had also 3 tickets for Mrs. Nalepka and her 2 small 5 and 9 year old boys, if she did him this favour.

5. In sincerely wanting to help this boy and totally ignorant about teenage drug use and rock concerts, Mrs. Nalepka drove the teenage boys and took with her also her 2 small 5 and 9 year olds to the rock concert. She was totally shocked and very angry at what she saw there. There was an audience of 18,000 adolescents ranging in age from 11 to 17 years old at the concert, with an estimated 80% of them openly using drugs! Looking around at these children so casually getting intoxicated, Mrs. Nalepka was angry, shocked and scared all at the same time. Most of all, she was scared for her own children's coming teen years and, secondly, angry that this was being condoned, accepted and even promoted. Apparently, Mrs. Nalepka was in the wrong place at the right time. She founded the National Federation of Parents for Drug-Free Youth soon after.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Atas kesedaran bahawa anak-anak kecil akan terdedah kepada dadah dari umur belasan tahun ke atas maka

tertubuhlah Persekutuan Ibubapa bagi Kebebasan Belia dari Dadah di Amerika Syarikat.

7. Masalah anak-anak kecil mengguna dadah di Negara kita ini tidak berlaku kerana kita masih berpegang tegoh kepada adat resam menjaga anak-anak kita sendiri. Kawalan anak-anak oleh ibubapa masih lagi ketat kerana kita tidak membebaskan mereka sewenang-wenangnya seperti di negara barat. Di sana anak-anak belasan tahun dibebaskan berdikari sebagai hak mereka. Kehormatan kepada orang-orang tua, tanggungjawab dan timbangrasa tidak lagi menjadi suatu amalan. Masing-masing ingin membuat sesuatu tanpa bantahan dari mana-mana pihak. "Doing the in-thing" menjadi amalan biasa. Kawalan terhadap pergaulan telah hilang sama sekali hinggakan muda-mudi belasan tahun terdedah kepada pengaruh pergaulan dan dadah melalui berbagai cara.

8. Kita perlu ingat walaupun keluarga kita tidak terlibat dengan dadah tetapi seperti pengalaman Mrs. Nalepka orang-orang sekeliling keluarga kita itu mungkin terperangkap dengan dadah. Di Washington, kami peserta-peserta Persidangan Penyalahgunaan Dadah di White House dan di Atlanta, diperingatkan bahawa pembawa-pembawa dan pengedar-pengedar dadah bukan lagi orang-orang berupa orang yang kotor berpakaian hippy tetapi berupa orang-orang berpakaian 3 piece business suit sehinggakan sukar dipastikan siapa pengedar dan siapa yang bukan.

9. Walaupun semua ibubapa kasihkan anak-anak mereka dan memberi segala perlindungan tetapi masih juga ada yang terperangkap dengan dadah. Kenapa? Dalam pertemuan saya dengan ibubapa dan keluarga-keluarga pelatih di pusat-pusat pemulihan di negara kita, ramai menyatakan bahawa mereka tidak cuai, mempedulikan anak-anak mereka, dan pihak yang terperangkap pula mengatakan bahawa mereka tidak tahu bahaya penyalah-gunaan dadah. Ramai antara ibubapa dan pelatih menyatakan rasa kesal mereka hanya menyedari apabila keadaan

sudah terlewat. Trajedi yang dialami oleh ibubapa dan keluarga amatlah menyedihkan. Kita yang tidak ada masalah dadah dalam keluarga pun turut bersedih.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Dadah perlu dianggap sebagai satu penyakit seperti kanser. Ia boleh berlaku dari lingkungan umur belasan tahun hingga dewasa, tidak mengira jantina atau keadaan sosio-ekonomi masyarakat. Tidak ada kanak-kanak atau belia yang immune (bebas) daripada penyakit kanser ini dan ia boleh merebak dengan cepat. Seperti penyakit-penyakit lain juga, ia boleh dirawat jika dikesan dari awal. Akibat dadah kepada penagih itu bergantung kepada jangkamasa dan jenis dadah yang digunakan. Di negara kita ini, seperti penyakit-penyakit lain juga, masyarakat tidak mempedulikan langkah-langkah mengesan penyakit dari awal. Kebanyakannya sudah terlewat dan akibat penyakit itu telah merebak kepada seluruh tubuh badan seseorang itu. Ini biasa berlaku dengan kesalnya mengenai penyakit kanser yang memberi tanda-tanda sakitan, apatah lagi penyakit dadah yang menghayalkan manusia tanpa kesakitan apa-apa.

11. Semua golongan menegaskan pendekatan yang paling berkesan untuk membanteras penyakit dadah ialah melalui pencegahan utama - iaitu menghadapi masalah dadah sebelum ia merebak. Ini adalah berasaskan kajian bahawa dadah mengandungi beberapa bahan kimia yang lambat laun akan meresap dalam sel-sel otak dan organ-organ dalam badan dan merosakkan manusia.

12. Sasaran utama dadah ialah otak. Pada mulanya dadah memberi perasaan khayalan, ketenangan, bebas dari gangguan, dan penggunaanya berasa seolah-olah tiada lagi masalah dihadapi olehnya. Tetapi dadah boleh juga mengakibatkan panic, hallucinations, anxiety dan gangguan pemikiran sebagai orang-orang yang sakit jiwa.

13. Selain daripada otak, dadah membantut pembesaran dan pertumbuhan badan dan sekiranya seseorang wanita menggunakan dadah sewaktu mengandung, sudah tentu janin yang dikandung akan akan sama merasa kaibat buruk dadah ini kerana dadah boleh menyerap melalui uri dan juga mengalir dalam air susu. Kehamilan itu akan gagal ataupun janin itu dilahirkan tidak cukup bulan dan kurang timbangannya. Sekiranya ibu itu lanjut kehamilan hingga cukup bulan, ada kemungkinan bayi akan lahir tiada bernyawa, lahir dengan banyak komplikasi ataupun cacat.

14. Akibat buruk yang didapati dalam muda-mudi ternyata dalam laporan-laporan pelajaran mereka di mana didapati pengguna itu semakin kurang pencapaiannya dan pergaulannya semakin terhad. Mereka asyik dengan aktiviti untuk mendapatkan dadah sehingga terjerumus pula dengan aktiviti jenayah.

15. Dalam negara yang menganggap belia seperti harapan bangsa di masa hadapan kita tidak boleh cuai atau bersikap "ingin tahu, bertindak tidak". 63 peratus daripada penagih-penagih yang telah dikesan adalah berumur antara 20-29 tahun - lingkungan umur yang sepatutnya mereka geliga dengan pengetahuan dan bertenaga untuk membangunkan

negara dan bangsa. Jika langkah-langkah pencegahan awalan tidak diambil dari sekarang, masalah ini berkemungkinan besar mengancam kestabilan dan keselamatan negara. Apa yang diharapkan melalui usaha-usaha pencegahan ialah supaya golongan muda kita, terutama kanak-kanak sekolah yang belum terjerumus dalam kegiatan dadah, tidak akan terpicat untuk mencuba dadah ataupun tidak mudah dipengaruhi oleh penjual-penjual dadah atau oleh mereka yang sudah menjadi penagih.

16. Kita semua sedia maklum bahawa Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tegas untuk mengawal dan mencegah masalah

dadah melalui beberapa cara. Kejayaan Kerajaan kita boleh lihat setiap hari dengan penangkapan pembawa-pembawa dan pengedar-pengedar, rampasan dadah dan makmal-makmal sulit dijumpai. Negara kita ini dijadikan pusat pengedaran dadah sewenang-wenangnya oleh golongan manusia yang tamak kepada wang ringgit tanpa mengira akibat buruk bahayanya kepada manusia, termasuklah keluarga mereka sendiri.

17. Dipercayai, Pulau Pinang, Negeri Kedah, Perlis dan Kelantan didapati banyak berlaku tangkapan kerana di negeri-negeri inilah dadah mudah diseludup masuk untuk edaran. Kita rakyat Malaysia patut mengucapkan syabas kepada agensi-agensi Kerajaan yang telah berjaya membentaras penyeludupan dan pengedaran dadah dengan begitu cemerlang setakat ini. Tetapi usaha dan kesungguhan Kerajaan tanpa sokongan dan penglibatan masyarakat tidak akan berjaya dalam membentaras dadah.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

18. Sebagai ibubapa, sebagai penjaga, sebagai orang dewasa kita adalah bertanggungjawab ke atas anak-anak kita atau kanak-kanak di bawah jagaan kita supaya mereka tidak terlibat dengan gejala dadah ini.

19. Selain daripada tanggungjawab fizikal seperti menyediakan tempat tinggal, makanan yang mencukupi, keperluan harian dan sebagainya, juga dikehendaki ialah keperluan rohani dan emosi kanak-kanak yang diberi oleh ibu termasuk kasih sayang, kemanjaan, nasihat, menjadi rakan dan teman kepada anak-anak supaya sentiasa di sisi mereka apabila mereka memerlukan. Kaum bapa pula bertanggungjawab di atas disiplin, pendidikan nilai-nilai moral, sosial dan agama. Ini merupakan tanggungjawab bersama dan jika salah seorang daripada ibubapa gagal memainkan peranan mereka, besar kemungkinan anak-anak dan muda-mudi kita dipengaruhi

oleh keadaan sekitar khususnya pengaruh yang berunsur negatif.

20. Ini tidak bermakna bahawa kaum wanita kita tidak boleh atau tidak perlu bekerja. Yang saya maksudkan ialah supaya ibubapa meluangkan masa untuk bersama-sama dengan anak-anak mereka, seperti mengenali dengan lebih dekat rakan-rakan mereka dan mengambil berat akan aktiviti-aktiviti mereka.

21. Jika keperluan asas anak-anak kita tidak dipenuhi, mudah bagi mereka, dengan keadaan semasa, terpengaruh dengan unsur-unsur negatif seperti merokok, meminum minuman alkohol dan penyalah-gunaan dadah. Sebagai kaum wanita, sebagai ibu, kita mempunyai peranan yang tertentu untuk membantu usaha-usaha Kerajaan memerangi penyalah-gunaan dadah ini.

22. Pada hemat saya badan-badan Wanita juga boleh menganjurkan lawatan ke rumah-rumah untuk berkenal-kenalan dan mengambil berat masalah-masalah ahli-ahli untuk bersama-sama mengatasi masalah yang dihadapi, ataupun membincang peranan dalam membantu usaha membasmi masalah dadah ini. Ahli-ahli boleh juga menyertai atau bekerjasama dengan organisasi-organisasi sukarela yang lain di mana khidmat sukarela mereka akan diperlukan dalam usaha membanteras penyalah-gunaan dadah.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

23. Semasa menghadiri 'First Ladies Conference'<sup>1</sup> di Washington pada bulan April yang lalu yang dianjurkan oleh Puan Nancy Reagan, saya mendapati bahawa para ibubapa di sana telah memainkan peranan penting melalui penglibatan mereka secara berkelompok dalam usaha mencegah dan mengawal masalah dadah yang sedang melanda negara tersebut. Kumpulan-kumpulan ini bergerak daripada peringkat jiran tetangga atau masyarakat setempat dan bertujuan untuk

memberi pengetahuan kepada ahli-ahli dan jiran tetangga tentang bahaya dan ancaman dadah, tentang cara-cara untuk mendidik anak-anak supaya menjauhkan diri daripada dadah dan tentang cara-cara untuk mempereratkan hubungan dalam keluarga supaya ahli-ahli keluarga khususnya anak-anak belasan tahun dapat menjauhkan diri daripada perangkap dadah. Pertubuhan-pertubuhan ini telah menunjukkan kegigihan daripada segi semangat dan usaha para ibubapa dalam menghadapi masalah dadah dengan sikap yang positif, dan dengan sikap mahu berjuang.

24. Di antara jenis-jenis kumpulan ibubapa yang telah ditubuhkan di seluruh pelusuk Amerika Syarikat ialah:

- i. Kumpulan ibubapa yang sebaya (parent peer group)
- ii. Kumpulan jiran tetangga (neighbourhood group)
- iii. Kumpulan ibubapa di peringkat sekolah (school group)
- iv. Kumpulan sokongan ibubapa (parent support group) dan
- v. Kumpulan masyarakat am (community wide group)

25. Secara amnya kumpulan-kumpulan ini telah muncul untuk menghadapi kenyataan bahawa usaha-usaha mencegah daripada merebaknya wabak penagihan dadah di kalangan keluarga mereka dan di kalangan masyarakat, adalah terletak di atas bahu tiap-tiap anggota masyarakat itu sendiri.

26. Saya berpendapat bahawa di negara ini juga perkumpulan-perkumpulan seperti ini boleh ditubuhkan. Kita tidak harus menunggu sehingga ada ahli keluarga kita yang terlibat maka barulah kita bertindak. Sepatutnya kita perlu berusaha mulai sekarang untuk mencegah wabak ini daripada merebak.

27. Bagi tujuan ini, ahli-ahli Badan-Badan Wanita sama ada mereka tinggal dalam satu kawasan perumahan, atau satu blok

rumah pangsa atau satu kawasan perkampungan ataupun kawasan setingan boleh bertindak dengan berkesan dan mula menggabungkan diri masing-masing sebagai satu kumpulan yang mempunyai tujuan untuk mencegah ataupun menghindari masalah dadah yang menggugat masyarakat atau perkumpulan mereka. Tetapi sebelum memulakan tugas, ahli-ahli kumpulan haruslah mengenal-pasti keutamaan dan objektif kumpulan itu. Ahli-ahli kumpulan juga mestilah mempunyai kesanggupan untuk meluangkan masa dan bekerjasama rapat dalam menghadapi masalah ini.

28. Selain daripada itu sebelum memulakan usaha-usaha kumpulan ini mestilah mendapatkan penerangan dan maklumat berkaitan dengan masalah dadah di persekitaran mereka. Dengan adanya pengetahuan ini setidak-tidaknya mereka boleh menjadi kumpulan rujuk atau 'reference group' kepada masyarakat di sekelilingnya.

29. Mungkin dengan permulaan di peringkat bawahan ini, ianya kelak akan berkembang hingga menjadi satu pergerakan yang meliputi seluruh negara. Dengan kesedaran dan azam kaum wanita, saya yakin kita akan dapat bersama membasmi gejala penyalah-gunaan dadah ini. Sebagaimana pepatah berkata 'apabila seorang wanita bergerak, seluruh negara bergerak'.

Tuan-tuan dan puan-puan,

30. Saya merayu dan berharap bahawa kaum wanita dan masyarakat amnya akan melibatkan diri dengan bersungguh-sungguh dalam rancangan pencegahan penyalah-gunaan dadah kerana rancangan inilah yang mudah diatur dan amat berkesan. Saya tegaskan sekali lagi di sini bahawa tujuan utama pencegahan ialah supaya anak-anak belasan tahun kita dan belia-belia tahu apakah dadah dan bahaya-bahayanya, supaya mereka benci dan jijik kepada dadah, supaya mereka boleh menolak dengan penuh semangat dan

keyakinan perbuatan-perbuatan permulaan yang akhirnya boleh membawa mereka kepada penyalah-gunaan dadah. Perbuatan-perbuatan ini ialah merokok, meminum minuman keras dan ganja - the gateway drugs.

Tuan-tuan dan puan-puan,

31. Saya akhiri ucapan saya ini dengan penuh keyakinan dan harapan bahawa kita yang hadir pada pagi ini adalah sedar atas masalah dadah dalam negara, khasnya di Pualu Pinang ini, dan akan berusaha dengan penuh semangat untuk membanteras dadah supaya anak-anak dan generasi kita akan datang hidup di dunia bebas dari ancaman wabak dadah, insya-Allah.

Terima kasih.

-k-k-k-k-k-k-k-k-k